

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan apakah perkembangan rancangan Kerajaan membina sebuah balai polis yang lebih besar dan lengkap untuk menggantikan Balai Polis Ayer Tawar, daerah Manjung, Perak yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Balai Polis Ayer Tawar terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung, Perak di mana jarak dari Balai Polis ke IPD adalah sejauh 15km dan beroperasi di tapak tanah Lot No. 168, Kg. Batu seluas 1.472 ekar. Balai ini telah diwartakan pada 2 Ogos 1929 namun hanya dirasmikan pada 11 Disember 1974.

Balai ini mempunyai komponen bangunan pentadbiran Balai Polis dan 11 unit rumah kelamin (1 kelas F dan 10 kelas G). Balai ini beroperasi dengan kekuatan anggota seramai 30 orang yang diketuai oleh seorang Pegawai Polis berpangkat Sub-Inspektor dengan keanggotaan seperti berikut :

- a. Sub Inspektor - 1 orang
- b. Sarjan - 1 orang
- c. Koperal - 8 orang
- d. Lans Koperal - 16 orang
- e. L/Kpl / Kons/S - 3 orang

Meskipun Balai ini berusia lebih kurang 45 tahun, namun ia masih dapat beroperasi dalam keadaan yang agak kondusif walaupun terdapat kerosakan-kerosakan kecil yang memerlukan penyelenggaraan dan pembaikan berkala.

Pembangunan semula Balai Polis Ayer Tawar di tapak sedia ada tidak dapat dilaksanakan kerana kawasannya yang terlalu kecil memandangkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi telah menetapkan keluasan tapak yang diperlukan bagi pembinaan sesebuah Balai Polis baharu adalah lima (5) ekar sehingga sepuluh (10) ekar. Pihak PDRM dengan kerjasama Kerajaan Negeri juga masih mengenalpasti lokasi tapak yang bersesuaian untuk tujuan pengambilan bagi pembinaan Balai yang baharu di masa hadapan.